



Ucapan selamat datang buat pengunjung Gua Tempurung, Gopeng, Perak.



Rasai penerokaan hebat di Gua Tempurung sekiranya anda gemarkan aktiviti lasak.



Cabaran yang perlu dilalui oleh setiap pengunjung sepanjang penerokaan di gua ini. Memang menarik bukan.

Terokai keunikan Gua Tempurung

Keindahan yang terdapat
di Gua Tempurung.

ROSHLAWATY RAEIH
roshlawaty@sinarharian.com.my

Kesempatan untuk meneroka Gua Tempurung, Kampar, Perak baru-baru ini sememangnya sukar untuk ditolak. Apatah lagi pelawaan itu datangnye daripada rakan lama.

Mohd Firdaus Zulkiflee berkata, dia sebenarnya sudah lama tidak melakukan aktiviti rekreasi kerana bersama secara berkumpulan. Baginya, penjelajahan ke Gua Tempurung adalah eksplorasi yang sangat menakjubkan. Keterujaan untuk berkunjung ke sini pastinya menjadi pengalaman yang dinantikan.

"Apa pun hakikatnya, keindahan alam semula jadi dimiliki Gua Tempurung begitu unik untuk diungkapkan. Jadi bagi mereka yang betul-betul ingin melihat satu keindahan, di sini mampu memberikan kepuasannya.

"Penat sekali-sekala tidak mengapa asalkan santapan mata yang terhidang begitu sukar untuk dibandingkan sama ada keindahan itu ada di bandar mahupun atau hutan rimba," katanya.

Mohd Firdaus berkata, Gua Tempurung terkenal sebagai lokasi pelancongan di negara ini, namun masih ramai yang belum cuba menerokai keseluruhan gua tersebunyi pelbagai rupa bentuk.

"Dengan percubaan menjelajah gua batu kapur ini membolehkan saya melihat dengan lebih dekat lagi stalagmit dan stalaktit serta formasi batuan lain yang begitu menakjubkan.

Khazanah alam

Gua Tempurung adalah jenis gua batu kapur di Gopeng. Namanya diambil sempena bentuknya seperti tempurung kelapa. Panjang gua ini mencapai 1.9 kilometer dan dipercayai wujud

sejak 8,000 SM.

Gua Tempurung terdiri daripada lima kubah besar yang silingnya menyerupai tempurung kelapa, dengan setiap kubah mempunyai bentuk stalagmit dan stalaktit yang berbeza.

Setiap kubah berbeza dari segi suhu, aras air, dan kandungan batu kapur dan marmar. Di pertengahan gua ini terdapat satu stalagmit yang berbentuk seperti gergasi. Selain menyimpan khazanah alam, gua ini turut tertulis dalam sejarah Malaysia di mana ia menjadi tempat persembunyian komunis dari 1950 hingga 1960.

Di sini terdapat banyak formasi batu kapur yang besar terbentuk daripada larutan air batu kapur dan batu marmar yang terdapat di kawasan sungai. Formasi yang terbentuk di sini menyerupai haiwan seperti kucing, lembu dan ayam. Manakala najis kelawar yang bercampur dengan kencingnya menghasilkan lukisan abstrak semula jadi pada bumbung dan dinding gua. Kelawar boleh dilihat sepanjang Mac hingga Mei yang dikatakan musim mengawan.

Golden Flowstone dikenali kerana dinding gua yang terdapat di sini terdiri daripada pasir halus seperti kristal. Sebahagian dinding gua ini yang basah dan berair kelihatan berkilau apabila terkena cahaya lampu suluh. Suasana ini akan memberi mod warna keemasan di sekitarnya.

Mohd Firdaus memberitahu, sepanjang pengembaraan dia dan rakannya itu, ada kalanya mereka perlu merangkak, menggelongsor, menyusur dan meniarap di sungai bagi meneruskan penerokaan ke tahap seterusnya. Bagaimanapun kepuasan dapat dirasai apabila berpeluang melihat keindahan bentuk muka buminya yang unik dan tersendiri.

"Riuh rendah peserta sekurang-kurangnya dapat menambahkan lagi keceriaan penerokaan kami ini," ujarnya.

Sahut cabaran
meredah
keindahan
alam semula
jadi yang
tersembunyi

Keselamatan terjamin

Dia memberitahu ketika melakukan penerokaan di Gua Tempurung, usaha tersebut mungkin menjadi sia-sia jika tiada yang memberi perhatian kepada formasi yang masih ada di dalam gua ini. Ini kerana di bahagian inilah banyak kehidupan gua yang masih cuba meneruskan survivalnya.

Pengunjung ke sini pastinya tertanya-tanya tentang tahap keselamatan sepanjang berada di sini. Berdasarkan pengalaman, Mohd Firdaus berkata, pengunjung tidak perlu risau mengenai keselamatan diri semasa berada di dalam gua kerana kemudahan yang disediakan di sini memang memuaskan. Seorang renjer atau petugas yang akan membawa setiap pengunjung.

"Mereka akan membawa anda menerokai gua dengan menunjuk beberapa arah serta bentuk batu-batu pelik yang terhasil.

"Sementara itu mereka juga akan memberikan penerangan hingga membuatkan anda begitu teruja meneruskan perjalanan melalui terowong yang terbentuk secara semula jadi dari timur ke barat sejauh lebih kurang dua kilometer," katanya.

Mohd Firdaus berkata, destinasi ini perlu diletakkan dalam senarai pusat pelancongan yang perlu lawati.

Meneroka Gua

- Melihat keunikan dan keindahan ciptaan Yang Maha Esa yang tersimpan nun jauh di dalam gua cukup menguja. Keletihan meneroka dengan laluan yang mencabar bagaikan terbayar.
- Itulah yang sering dirasai oleh peminat aktiviti meneroka gua atau dipanggil spelunking.
- Malaysia yang kaya dengan gua batu kapur dan aneka bentuk stalaktit dan stalagmit amat sesuai untuk melakukan aktiviti ini. Menariknya, gua di negara ini menyimpan pelbagai rahsia zaman silam.
- Gua boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu gua pengembaraan dan gua pameran. Gua pengembaraan adalah gua yang masih kekal dengan keadaan semula jadi dan memberikan pelbagai cabaran saat menerokainya.
- Gua pameran pula adalah gua dilengkapi kemudahan awam seperti jambatan dan lampu.
- Lokasi aktiviti seperti di Gua Kelam, Perlis; Gua Tempurung dan Gua Harimau, Perak; Gua Bewah di Tasik Kenyir, Terengganu; dan Gua Gomantong, Sandakan, Sabah.



Laluan pendakian yang disediakan.

INFO